



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

DUA (2) PROJEK DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN YANG TELAH DISIAPKAN OLEH JABATAN KERJA RAYA DISERAHKAN KEPADA KEMENTERIAN PELANGGAN

LABUAN – Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi hari ini telah menyaksikan penyerahan dua (2) projek Kementerian pelanggan di Wilayah Persekutuan Labuan yang telah berjaya disiapkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Labuan selaku agensi pelaksana.

2. **Projek Kolej Vokasional Labuan yang menelan belanja RM24 juta telah disiapkan sepenuhnya pada 20 Mac 2024** merupakan pembolehan kepada program transformasi dari Sekolah Menengah Vokasional kepada Kolej Vokasional (KV) milik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Projek ini bertujuan meningkatkan kapasiti dan keupayaan KV yang dijangka memberi impak kepada jumlah enrolmen atau kemasukan pelajar ke Kolej ini. Di samping itu ianya dapat memberikan kemudahan dan keselesaan kepada tenaga pengajar dan pelajar dalam usaha KPM memperkasakan pendidikan vokasional dan kemahiran selaras dengan Transformasi Pendidikan Negara.

3. Sesi penyerahan ini turut disaksikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, YB Tuan Wong Kah Woh. Projek ini mencakupi pembinaan dan penyiapan satu (1) unit blok tambahan yang akan menempatkan bengkel seni kulinari, bengkel teknologi elektrik *high & low voltage*, bengkel teknologi kimpalan, bengkel pemesinan industri dan bengkel automatik. Projek ini juga meliputi dua (2) unit blok tandas berpusat, satu (1) unit blok pencawang elektrik, satu (1) unit blok rumah pencegah kebakaran, satu (1) unit blok rumah pam tangki sedut dan kerja-kerja mekanikal serta elektrik.

4. Terdapat tiga (3) lagi projek milik KPM yang bernilai RM25 juta yang dijadualkan siap dalam tahun 2024 di WP Labuan iaitu Projek Pembinaan Blok Baharu bagi Kelas Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) serta Kemudahan Mesra OKU di SMK Mutiara diikuti dengan Projek Daif WP Labuan (2021) - Pembinaan Bangunan Gantian dan Bangunan Tambahan di SMK Labuan, dan Pembinaan Bangunan Tambahan Prasekolah di Sekolah Kebangsaan Patau-Patau, WP Labuan. Ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam meningkatkan mutu kualiti pendidikan di WP Labuan melalui penyediaan infrastruktur yang lengkap dan terbaik.

5. Penyerahan projek siap yang kedua telah dilaksanakan pada sebelah pagi hari ini iaitu **Projek Pembinaan Infrastruktur untuk Perpindahan Skuadron Hawk Ke**

Pangkalan Udara TUDM Labuan milik Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF). **Projek yang bernilai RM19.2 juta telah siap sepenuhnya pada 15 Mac 2024.**

6. Kerja-kerja yang telah disiapkan termasuklah menaiktaraf Bangunan Ibu Pejabat Sedia ada, *Firstline*, Garaj & *Computer Based Training (CBT)* dan Pejabat *Aircraft Ground Support Equipment/Vehicle (AGSE/AGSV)*, Pembinaan Bangunan Ibu Pejabat Baharu, Pembinaan Bangunan Blok Bujang dan Kerja-Kerja Pavemen di *Taxiway Bravo* dan *Taxiway Alpha*. Penyerahan projek ini bakal memberi impak positif kepada MINDEF dalam meningkatkan keupayaan Skuadron Hawk dalam menjalankan operasi serta memastikan benteng keselamatan negara sentiasa terkawal di Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

7. Kementerian Kerja Raya (KKR) merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF), Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional, Jabatan Pendidikan Labuan, Kolej Vokasional Labuan, Markas Tentera Udara MINDEF, Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang telah memberikan kepercayaan serta kerjasama kepada pihak JKR WP Labuan, khususnya dalam penyeliaan di tapak sehingga projek dapat disiapkan dengan jayanya.

8. Proses perancangan dan pembinaan khususnya penyeliaan serta pertanggungjawaban bersama ini telah memberikan pengalaman dan pengajaran (*experience and lesson learned*) yang amat berguna yang akan dijadikan panduan dalam pelaksanaan projek-projek yang akan datang ke arah pengurusan projek yang lebih baik dari segi kualiti, kos dan masa. KKR turut menyeru kepada pihak kontraktor untuk terus melaksanakan tanggungjawab dengan baik dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) di mana pihak JKR Malaysia akan terus memantau proses-proses pasca penyerahan bangunan supaya tiada perkara yang tertangguh dan dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

9. Di dalam lawatan ke WP Labuan ini juga, YB Menteri Kerja Raya telah mengambil peluang turun padang meninjau kemajuan (*progress*) bagi kerja-kerja yang sedang dijalankan dalam menaik taraf **Simpang 3, Jalan Mohammed Salleh – Jalan Penghulu Tuah, WP Labuan**. Projek naik taraf jalan Persekutuan ini bertujuan memberi keselesaan dan meningkatkan keselamatan kepada pengguna jalan raya memandangkan tahap perkhidmatan (*Level of Service, LOS*) jalan ini adalah pada tahap LOS E dengan peningkatan isipadu trafik yang semakin tinggi.

10. Projek ini melibatkan kerja-kerja naik taraf persimpangan dan pelebaran jalan raya, pembinaan *minor access road*, pengalihan utiliti sedia ada dan pemasangan sistem lampu isyarat. Sebanyak tiga (3) sebutharga telah dilaksanakan di bawah kerja ini, di mana satu kerja telah pun siap pada tahun 2023 manakala dua lagi sedang



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

dalam proses pelaksanaan dan dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada Oktober 2024.

11. KKR telah memperuntukkan sejumlah RM24.55 juta bagi tahun 2024 untuk meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna Jalan Raya Persekutuan di WP Labuan. Peruntukan ini khusus untuk kerja-kerja penyenggaraan jalan, cerun dan jambatan, menaiktaraf Kawasan yang sering terdedah kepada kemalangan (*Blackspot*) serta penyelenggaraan lampu isyarat dan lampu-lampu jalan. Komitmen ini direalisasikan melalui pengeluaran dua puluh enam (26) Arahkan Kerja kepada pihak konsesi dan lima belas (15) Perolehan Kerja untuk pelaksanaan segera pada tahun 2024 sehingga semasa.

12. Fokus yang konsisten terhadap jalan persekutuan ini merupakan komitmen Kerajaan Perpaduan Malaysia Madani dalam menyenggara rangkaian jalan raya selaras dengan hasrat Program MYJalan KKR yang ingin menyediakan infrastruktur yang selesa dan selamat kepada semua rakyat Malaysia Madani sepanjang masa.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
7 JUN 2024